

Putrajaya bakal kutip RM3 bilion cukai GST daripada petrol, diesel, dakwa PKR
Malaysian Insider
Jun 6, 2014
Oleh Mohd Farhan Darwis

Putrajaya bakal mengutip sejumlah RM3 bilion setahun daripada Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST) yang dikenakan terhadap pembelian bahan api petrol dan diesel oleh rakyat, kata Rafizi Ramli.

Pengarah Strategi PKR itu berkata, melalui GST yang dikenakan kepada produk bahan api itu, setiap liter petrol dan diesel akan mengalami kenaikan harga masing-masing pada kadar RM13 sen dan RM12 sen.

"Semakan ke atas senarai barangan dan perkhidmatan yang dikenakan kadar cukai sifar (zero-rated) dan dikecualikan (exempt) secara jelas menunjukkan Barisan Nasional (BN) akan mengenakan GST ke atas petrol dan diesel," kata ahli Parlimen Pandan itu dalam satu kenyataan di Kuala Lumpur.

"Ini sudah tentu akan menaikkan lagi harga petrol dan diesel tanpa disedari oleh rakyat, satu lagi siri kenaikan harga petrol dan diesel akan melonjakkan lagi inflasi dan membebankan rakyat dengan kenaikan harga barang," kata pemimpin muda PKR itu lagi.

Jumlah penggunaan petrol oleh rakyat Malaysia bagi tahun 2013 adalah sebanyak 14.05 bilion liter, manakala penggunaan diesel adalah sebanyak 9.64 bilion liter.

"Bebanan cukai tambahan sejumlah RM3 bilion setahun yang dikenakan ke atas rakyat hanya daripada pembelian petrol dan diesel adalah satu jumlah yang besar dan mengejut yang semestinya mempunyai kesan berganda ke atas harga barang," katanya.

Rafizi sekaligus mendesak Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak untuk membuat pengumuman pembelian petrol dan diesel tidak dikenakan GST sekiranya perkara itu tidak benar.

"Jika beliau enggan mengumumkan pengecualian pembelian petrol dan diesel daripada GST, maka beliau perlu menjelaskan segera bagaimana BN akan membelanjakan RM3 bilion yang dikutip dari rakyat melalui GST ke atas petrol dan diesel," katanya.

Najib sebelum ini mengumumkan pelaksanaan GST akan bermula pada April 2015.

Media juga sebelum ini melaporkan, kerajaan akan melaksanakan sistem subsidi baru dengan mereka yang berpendapatan RM5,000 dengan kereta kapasiti enjin 2,000cc layak untuk pembelian tanpa sekatan minyak subsidi.

Manakala, yang berpendapatan antara RM5,000 dan RM10,000 sebulan hanya boleh membeli 300 liter minyak petrol RON95 yang disubsidi setiap bulan dan bagi mereka berpendapatan bulanan lebih RM10,000 perlu membeli petrol RON95 tanpa sebarang subsidi.

Sistem baru itu dijangka untuk dilaksanakan pada suku ketiga tahun ini. – 6 Jun, 2014.

Hakcipta © 2013 The Malaysian Insider

Source: <http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/putrajaya-bakal-kutip-rm3-bilion-cukai-gst-daripada-petrol-diesel-dakwa-pkr>